



Rujukan : UKM PDF/224/3
Tarikh : 2 November 2016

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 8/2016

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**LANGKAH-LANGKAH BAGI MENANGANI ANCAMAN ALIRAN PEMIKIRAN BERTENTANGAN
DENGAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Lembaga Pengarah Universiti Bil. 8/2016 bertarikh 11 Ogos 2016 telah bersetuju pihak pengurusan Universiti mengatur langkah-langkah yang sesuai bagi menangani ancaman aliran pemikiran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah seperti Daesh, Syiah, Hizbut Tahrir dan lain-lain fahaman yang bertentangan dengan ajaran Agama Islam.

2. Justeru, Universiti Kebangsaan Malaysia **BERPEGANG TEGUH** kepada fatwa Negeri Selangor bertarikh 3 Februari 2016 Jilid 69 No. 2 fatwa di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bahawasanya;

- i. Fahaman, ajaran dan ideologi al-Dawla al-Islamiya Fi Iraq Wa al-Sham (**DAESH**), atau juga dikenali sebagai Militan *Islamic State in Iraq and Syams* (ISIS) atau *Islamic State of Iraq and the Levant* (ISIL), atau *Islamic State* (IS) adalah menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
- ii. Selain itu penuluran ajaran Syiah amat membimbangkan. Sesuai dengan fatwa dibawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Jilid 66 No. 21 bertarikh 17hb Oktober 2013, UKM menolak sekeras-kerasnya ajaran **Syiah** kerana fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar menurut pandangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
- iii. Negeri Selangor turut mengeluarkan fatwa bertarikh 17 September 2015 di dalam Jilid 68 No 19 fatwa di bawah Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bahawasanya fahaman dan ajaran **Hizbut Tahrir** adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pejabat Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

3. Bagi mengelakkan penularan aliran pemikiran yang bertentangan ini, **pihak Universiti menggesa semua Ketua Jabatan untuk melaporkan sebarang keterlibatan warga kerja UKM dalam perkara berkenaan dan juga staf Akademik perlu menyemak kandungan buku teks dan bahan rujukan yang digunakan agar bebas daripada sebarang unsur ajaran dan fahaman berkenaan.**

Sekian, kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Salam hormat,


ABD RAZAK HUSSIN
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
 - Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pejabat Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my